



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 3
SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN
PERSIARAN BUKIT UTAMA,
47800 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-77276166



Rujukan Kami : BU3/600-4/2/3 (2)
Tarikh : 19 April 2021

Kepada,
Ibu bapa / Penjaga Murid,
SMK Bandar Utama Damansara 3

Tuan,
SURAT MAKLUMAN TAKWIM PEPERIKSAAN KENDALIAN SEKOLAH TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sekolah telah beroperasi secara bersemuka sepenuhnya mulai 5 April 2021 (Isnin) dengan kehadiran semua murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Pihak sekolah sentiasa berusaha mematuhi sepenuhnya Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu 2.0 seperti yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

3. KPM telah mengumumkan Takwim Persekolahan 2021 yang bermula pada 20 Januari 2021 secara Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) dan secara bersemuka mulai 5 April 2021 dan akan berakhir pada 10 Disember 2021. Sehingga kini, KPM masih belum mengumumkan Jadual Peperiksaan SPM 2021. Walau bagaimanapun, pihak sekolah telah merancang untuk melaksanakan Peperiksaan Kendalian Sekolah bagi tahun 2021 untuk semua murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 (Calon SPM 2021) seperti berikut :

Bil	Perkara	Tarikh
1	Peperiksaan Pertengahan Tahun	18 – 28 Mei 2021
2	Peperiksaan Percubaan SPM**	4 – 29 Oktober 2021
3	Peperiksaan Akhir Tahun	8 – 26 November 2021

** Tertakluk kepada pindaan

4. Sehubungan itu, kerjasama tuan / puan amat diharapkan untuk memastikan anak / jagaan tuan / puan dapat **HADIR** ke sekolah dan bersedia sepenuhnya untuk menghadapi peperiksaan yang dijadualkan. Guru subjek akan memaklumkan kepada anak / jagaan tuan / puan tentang tajuk-tajuk yang akan diuji dalam peperiksaan berkenaan.

5. Pihak sekolah akan memberikan makluman terkini kepada tuan / puan dari semasa ke semasa. Segala kerjasama tuan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

HAJAH ROS BINTI LIZAN
Pengetua Cemerlang DG54
SMK Bandar Utama Damansara 3
Sekolah Kluster Kecemerlangan
s.k 1. Fail